

## Official Statement

SPD Scientific would like to express our gratitude and thank our beloved customers who have been supporting us in the purchase of **Whistling™ Test 2019-nCoV Saliva Ag Easy Test**.

This statement is to inform every customer that each lot of our Whistling™ Test has undergone performance testing from local Medical Device Authority (MDA)-appointed testing facility. It is always our responsibility to ensure that each lot of the test kits has fulfilled the sensitivity and specificity requirement enforced by MDA before the test kits are being approved for sale and released into the market.

For customers experiencing result discrepancies using our Whistling™ Test, there is a possibility that certain steps and precaution have been overlooked. We would strongly recommend to study the manufacturer's suggested protocol before the test. Please kindly avoid eating, drinking or smoking before using our Whistling™ Test as these actions will probably hinder the sensitivity of the test kits. For best result, we would recommend you to include saliva collecting from the back of your throat for testing.

A negative test result by COVID-19 self-test only indicates that proteins from the virus that causes COVID-19 were not found in your sample. It is possible for some individuals with COVID-19 to have negative result due to decrease of antigen amount in your sample over time. Using COVID-19 self-test after you have had symptoms for more than 7 days will likely give you a negative result compared to a molecular assay.

If you are tested negative using Whistling™ Test and continue to experience COVID-19-like symptoms such as fever, cough and/or shortness of breath, you should proceed to health screening facility immediately for further health assessment. If you are in contact with patients infected with COVID-19, do use our **Whistling™ Test** to protect yourself and your loved ones.

Hereby, SPD Scientific hopes everyone staying safe and healthy in this New Year 2022.

**Management of SPD Scientific Malaysia**

**20 January 2022**



## Kenyataan Rasmi

SPD Scientific ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada pelanggan kami yang dikasihi yang telah menyokong kami dalam pembelian **Whistling™ Test 2019-nCoV Saliva Ag Easy Test**.

Kenyataan ini adalah untuk memaklumkan kepada semua pelanggan bahawa setiap lot Whistling™ Test kami telah menjalani ujian prestasi daripada fasiliti ujian tempatan yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (PBPP). Adalah menjadi tanggungjawab kami untuk memastikan setiap lot kit ujian telah memenuhi keperluan sensitiviti dan kekhususan yang dikuatkuasakan oleh PBPP sebelum kit ujian diluluskan untuk dijual dan dikeluarkan ke pasaran.

Bagi pelanggan yang mengalami percanggahan keputusan semasa menggunakan Whistling™ Test kami, terdapat kemungkinan kaedah dan langkah berjaga-jaga tertentu telah diabaikan. Kami amat mengesyorkan anda untuk mengkaji protokol yang dicadangkan oleh pengeluar sebelum menggunakan Whistling™ Test. Sila elakkan makan, minum atau merokok sebelum menggunakan Whistling™ Test kami kerana tindakan tersebut mungkin akan menghalang sensitiviti kit ujian tersebut. Untuk hasil terbaik, kami mengesyorkan anda untuk menggunakan air liur daripada kerongkong untuk ujian ini.

Keputusan ujian negatif oleh ujian sendiri COVID-19 hanya menunjukkan bahawa protein dari virus yang menyebabkan COVID-19 tidak ditemui dalam sampel anda. Terdapat kemungkinan bagi segelintir individu yang dijangkiti COVID-19 untuk mendapat keputusan negatif disebabkan penurunan kuantiti antigen dalam sampel anda dari semasa ke semasa. Penggunaan ujian sendiri COVID-19 selepas anda mengalami simptom selama lebih daripada 7 hari berkemungkinan akan memberi anda keputusan negatif berbanding dengan keputusan ujian molekular.

Sekiranya anda diuji negatif semasa menggunakan Whistling™ Test dan masih mengalami simptom COVID-19 seperti demam, batuk dan/atau sesak nafas, anda diminta segera ke fasiliti pemeriksaan kesihatan berhampiran bagi penilaian kesihatan dan tindakan selanjutnya. Sekiranya anda adalah kontak rapat dengan pesakit yang dijangkiti COVID-19, sila gunakan **Whistling™ Test** kami untuk melindungi diri anda dan orang tersayang.

Dengan ini, SPD Scientific berharap semua orang kekal selamat dan sihat pada Tahun Baru 2022 ini.